

Bil. S 69

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3) dan (5))****PERINTAH PERBEKALAN TAMBAHAN (2012/2013) (BIL. 7), 2015**

BAHAWASANYA Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan suatu Pemasyhuran Darurat (S 16/2015) bertarikh 8 haribulan April 2015 telah mengisytiharkan dan memasyhurkan mulai dari tarikh tersebut suatu keadaan darurat bagi seluruh Negara Brunei Darussalam.

DAN BAHAWASANYA adalah diperuntukkan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam bahawa apabila suatu Pemasyhuran Darurat telah dibuat dan selagi Pemasyhuran tersebut berkuat kuasa, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh membuat apa jua Perintah pun yang Baginda fikirkan dikehendaki bagi kepentingan orang ramai.

DAN BAHAWASANYA adalah diperuntukkan oleh Perkara 83(5) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh, dengan Perintah tersebut, membuat semua peruntukan kewangan yang difikirkan perlu oleh Baginda selama tempoh darurat itu, termasuk peruntukan bagi perkhidmatan awam.

DAN BAHAWASANYA satu jumlah wang lima ribu, dua ratus tiga puluh juta, tujuh ratus lapan puluh lima ribu ringgit (\$5,230,785,000.00) telah diperuntukkan oleh Akta Perbekalan (2012/2013), 2012 (Akta 1 tahun 2012).

DAN BAHAWASANYA satu jumlah wang seratus lima puluh lima juta, dua ratus sembilan puluh enam ribu, lima ratus ringgit (\$155,296,500.00) telah diperuntukkan oleh Perintah Perbekalan Tambahan (2012/2013) (Bil. 1), 2013 (S 4/2013).

DAN BAHAWASANYA satu jumlah wang tujuh juta, empat ratus lima puluh enam ribu, tujuh ratus enam puluh tujuh ringgit (\$7,456,767.00) telah diperuntukkan oleh Perintah Perbekalan Tambahan (2012/2013) (Bil. 2), 2013 (S 5/2013).

DAN BAHAWASANYA satu jumlah wang empat puluh satu juta, lapan ratus lima puluh enam ribu, dua ratus dua puluh lima ringgit (\$41,856,225.00) telah diperuntukkan oleh Perintah Perbekalan Tambahan (2012/2013) (Bil. 3), 2013 (S 27/2013).

DAN BAHAWASANYA satu jumlah wang dua puluh sembilan juta, seratus enam puluh empat ribu, dua puluh tiga ringgit dan empat puluh tiga sen (\$29,164,023.43) telah diperuntukkan oleh Perintah Perbekalan Tambahan (2012/2013) (Bil. 4), 2013 (S 28/2013).

DAN BAHAWASANYA satu jumlah wang dua belas juta ringgit (\$12,000,000.00) telah diperuntukkan oleh Perintah Perbekalan Tambahan (2012/2013) (Bil. 5), 2013 (S 80/2013).

DAN BAHAWASANYA satu jumlah wang empat puluh lima juta, dua ratus enam puluh tiga ribu, empat ratus tiga puluh tujuh ringgit dan sembilan puluh empat sen (\$45,263,437.94) telah diperuntukkan oleh Perintah Perbekalan Tambahan (2012/2013) (Bil. 6), 2013 (S 81/2013).

DAN BAHAWASANYA adalah sekarang perlu untuk mengadakan satu peruntukan tambahan sebanyak sembilan juta, enam ratus empat belas ribu, seratus sembilan puluh sembilan ringgit (\$9,614,199.00).

OLEH YANG DEMIKIAN MAKA, pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dan (5) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Perbekalan Tambahan (2012/2013) (Bil. 7), 2015.

Perbelanjaan tambahan bagi tahun 2012/2013 dan peruntukan

2. (1) Pengeluaran sejumlah wang yang tidak melebihi sembilan juta, enam ratus empat belas ribu, seratus sembilan puluh sembilan ringgit (\$9,614,199.00) dari Kumpulan wang Yang Disatukan bagi perbelanjaan ke atas perkhidmatan-perkhidmatan yang dinyatakan dalam ruang kedua Jadual bagi tahun 2012/2013, yang tidak diperuntukkan atau tidak diperuntukkan sepenuhnya oleh Akta Perbekalan (2012/2013), 2012 (Akta 1 tahun 2012), Perintah Perbekalan Tambahan (2012/2013) (Bil. 1), 2013 (S 4/2013), Perintah Perbekalan Tambahan (2012/2013) (Bil. 2), 2013 (S 5/2013), Perintah Perbekalan Tambahan (2012/2013) (Bil. 3), 2013 (S 27/2013), Perintah Perbekalan Tambahan (2012/2013) (Bil. 4), 2013 (S 28/2013), Perintah Perbekalan Tambahan (2012/2013) (Bil. 5), 2013 (S 80/2013) dan Perintah Perbekalan Tambahan (2012/2013) (Bil. 6), 2013 (S 81/2013), adalah dengan ini dibenarkan.

(2) Bagi maksud-maksud cerai (1), jumlah wang yang dinyatakan dalam ruang ketiga Jadual adalah diperuntukkan bagi tajuk perbelanjaan yang dinyatakan dalam ruang pertama.

JADUAL

[1] Tajuk perbelanjaan	[2] Tajuk	[3] Jumlah wang yang diperuntukkan
KEMENTERIAN KEWANGAN		
SD01A	Jabatan Kementerian Kewangan	\$1,316,155.00
SD05A	Perkhidmatan Rampaian	\$8,298,044.00
		\$9,614,199.00

Diperbuat pada hari ini 18 haribulan Rabiulawal, Tahun Hijrah 1437 bersamaan dengan 30 haribulan Disember, 2015 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM